

IQRAR

PTAR



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

"LIBRARY for ALL" ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitm

www.instagram.com/ptaruitm

perpustakaanuitm.blogspot.my



BENKEL PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH ABAD KE - 21



Bengkel ini merupakan siri ke-7 diadakan di bawah Program CSR: Ilmu Mengubah Destini (IMD) yang diadakan di Tok Aman Bali Beach Resort, Kelantan Darul Naim. Bengkel ini adalah anjuran bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam, Perpustakaan Tengku Anis UiTM (Kelantan), dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan. Penganjuran ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengurusan pusat sumber sekolah-sekolah menengah Negeri Kelantan di samping membentuk sikap pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat, budaya ilmu dan budaya membaca kalangan warga sekolah. Bengkel tersebut telah disertai oleh 100 orang peserta yang terdiri daripada guru Pusat Sumber Sekolah Menengah Negeri Kelantan.



BENGKEL PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH ABAD KE - 21

Oleh : En. Muhammad Zaidie Bin Bardan



Ceramah 1:

Merekabentuk Semula Pengurusan Pusat Sumber Abad ke-21, Oleh: Puan Roslina binti Mohamad Ali, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PTAR

Ceramah 2:

Pengurusan Maklumat bagi Pusat Sumber Dalam era Digital, Oleh: Tuan Haji Ahmad Faizar bin Jaafar, Pustakawan Kanan PTAR

Bengkel 1:

Asas Pengkatalogan Bahan Bercetak dan Bukan Bercetak, Oleh: Prof. Madya Hamidah binti Hj. A. Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM

Bengkel 2:

Pengkatalogan Perkara: Sears List Of Subject Heading (SLSH) / Senarai Tajuk Perkara Sears, Oleh: Prof. Madya Hamidah binti Hj. A. Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM

Bengkel 3:

Pengkatalogan Perpustakaan: Dewey Decimal Classification (DDC) / Sistem Pengkelasan perpuluhan Dewey, Oleh: Prof. Madya Hamidah binti Hj. A. Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM



BENKEL PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH ABAD KE - 21

Oleh : En. Muhammad Zaidie Bin Bardan

Antara objektif utama bengkel ialah

- 1) Memberikan pendedahan berkaitan pentadbiran pusat sumber yang cemerlang menjurus abad ke 21
- 2) Pengajaran berkaitan penggunaan teknologi ICT dan media Sosial dalam memperolehi sumber maklumat dalam persekitaran pusat sumber
- 3) Pentadbiran dan pengurusan Pusat Sumber Sekolah di laksanakan dengan cara yang professional berdasarkan piawaian-piawaian sebenar.
- 4) Menjadikan Pusat Sumber Sekolah Pusat Ilmu sebenar dengan koleksi yang mantap dan diurus dengan baik.
- 5) Membolehkan guru Pusat Sumber mendapat pendedahan dan dapat memahirkannya diri dalam mengkatalog dan mengkelas bahan-bahan



Pendaftaran dan taklimat ringkas kepada peserta oleh Puan Nik Annita



BENKEL PEMANTAPAN AUDITOR DALAM

Oleh : Puan Aznur Umiza Abu Kassim

Salah satu aspek pengukuran keberkesanan sistem pengurusan kualiti jabatan adalah mempunyai barisan Auditor Dalam yang berkaliber. Atas sebab itu, **Bengkel Pemantapan Auditor Dalam** telah dirancang dan diadakan pada 26 Mei 2017 di Bilik Seminar, PTAR. Puan Aznur Umiza Abu Kassim selaku Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti bertindak sebagai penceramah telah berkongsi pengetahuan bersama Auditor Dalam perpustakaan dari sudut perancangan dan pelaksanaan audit dalam, penetapan skop audit, etika auditor, penulisan laporan audit serta ulang kaji klausa ISO 9001:2008.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk mengulang kaji aspek pengauditan dan piawaian ISO sedia ada. Selain itu, sesi perkongsian pengalaman mengaudit turut diadakan bagi memberi nilai tambah pemahaman Auditor Dalam untuk melaksana tugas tersebut dengan lebih baik pada masa akan datang.



MELAKARI SEJARAH YANG DI PERTUAN AGONG DAN RAJA-RAJA MELAYU

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Pameran
Melakar Sejarah
Yang di-Pertuan Agong & Kesultanan Melayu

Sepanjang Bulan **MEI 2017** | Galeri Perpustakaan Tun Abdul Razak

Bersempena dengan pertabalan Yang diPertuan Agong pada 24 April 2017, pameran pada bulan Mei 2017 adalah berkisar tentang sejarah Yang Di Pertuan Agong yang ke-15 dan Raja-Raja Melayu. Di paparkan juga buku dan keratan akhbar berkisar Yang Di Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Pameran ini berlangsung selama sebulan iaitu dari 8 Mei hingga 31 Mei 2017 di Galeri Perpustakaan Tun Abdul Razak.



YANG DI-PERTUAN AGONG (1957-present)			
1 NEGERI SEMBILAN Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad (1957-1960) NEGERI SEMBILAN	2 SELANGOR Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Hassanudin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Aladdin Sulaiman Shah (1960-1960) SELANGOR	3 PERIS Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail (1960-1960) PERIS	4 TERENGGANU Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Ibrahim ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin (1960-1960) TERENGGANU
5 KEDAH Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Ahmad Yusoff bin Mahiaddin Tuanku Al-Haj Abdul Hakim ibni Sultan ibni Almarhum Sultan Badlishah (1960-1960) KEDAH	6 KELANTAN Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tengku Yafuz Putra ibni Almarhum Sultan Ibrahim (1960-1960) KELANTAN	7 PAHANG Yang di-Pertuan Agong Sultan Haji Ahmad Shah Al-Muhtar'illah ibni Almarhum Sultan Alia Bakar ibi apakudin Al-Muhtar'illah (1960-1960) PAHANG	8 JOHOR Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail (1960-1960) JOHOR
9 PERAK Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Azlan Mansuruddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuf Ismail ibni Sultan Ismail (1960-1960) PERAK	10 NEGERI SEMBILAN Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ja'far ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman (1960-1960) NEGERI SEMBILAN	11 SELANGOR Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Hassanudin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hassanudin Alam Shah (1960-1960) SELANGOR	15 KELANTAN Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V (13/12/2016 - 12/12/2021) KELANTAN
12 PERLIS Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Saipuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail (1960-1960) PERLIS	13 TERENGGANU Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Ibrahim Sultan Meera Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktar'illah Shah (1960-1960) TERENGGANU	14 KEDAH Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Yusoff bin Mahiaddin Tuanku Al-Haj Abdul Hakim ibni Sultan ibni Almarhum Sultan Badlishah (1960-1960) KEDAH	



JASAMU DI KENANG

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengadakan majlis persaraan pada 5 Mei 2017 untuk meraikan Pn. Mariah Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan yang memilih bersara secara pilihan pada 4 April 2017 dan Pn. Baimah Bujang, Timbalan Ketua Pustakawan. Pustakawan yang memilih bersara secara pilihan pada 30 April 2017. Majlis diadakan bertujuan untuk mengenang jasa bakti dan sumbangan yang telah mereka curahkan selama berkhidmat di perpustakaan.



Pn. Mariah Baharudin telah berkhidmat selama 30 tahun. Manakala Pn. Baimah Bujang bersara secara pilihan setelah berkhidmat selama 31 tahun. Warga PTAR berharap agar mereka tidak melupakan kenangan bersama dengan PTAR.



MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL, DAN DOA SELAMAT

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Bersempena bulan Ramadhan, pihak Jawatankuasa Tazkirah PTAR telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa yang dikendalikan oleh Ustaz Puaad Osman pada 26 Mei 2017 (Jumaat) di Bilik Seminar, PTAR 1. Beliau juga turut menyampaikan tazkirah ringkas bertajuk "***ibadah yang mudah namun istiqamah***".



TAHNIAH DAN SYABAS

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Pihak Pengurusan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak ingin mengucapkan **TAHNIAH dan SYABAS** kepada Encik Zulkifli Bin Ismail, staf perpustakaan kumpulan Pengurusan Dan Profesional yang telah berjaya di dalam kenaikan pangkat secara Fleksi dari Gred S48 ke Gred S52, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.



JOM WAKAF BUKU

Oleh : Puan Sakmah Sarif



Warga UiTM dan sesiapa saja yang berminat adalah dijemput dan dialu-alukan untuk mewakafkan buku kepada PTAR. Buku-buku tersebut kelak akan menjadi sumber rujukan bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti. PTAR amat menghargai penama berikut yang telah mewakafkan buku kepada PTAR.




Prof. Dr. Hj. Khudzir Hj. Ismail, Dekan Fakulti Sains Gunaan sedang menyerahkan buku untuk diwakafkan kepada wakil PTAR iaitu Encik Zulkifli Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan yang juga merupakan Ketua Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan.

Tarikh	Penyumbang	Judul	Naskhah
Mei 2017	Prof. Dr. Hj. Khudzir Hj. Ismail -11 Mei 2017 Dekan Fakulti Sains Gunaan	60	60
	Puan Hasniza Hassan (16 Mei 2017)	21	22
	Cik Tan Chai Tiam (3 Mei 2017)	2	2

BENKEL HANDS ON RESOURCE DESCRIPTION AND ACCESS (RDA) PUITM SHAH ALAM 2017

Oleh : Puan Nor Hafizah Md. Hanafiah

Standard pengkatalogan kini memasuki era baharu seiring dengan pengenalan **Resource Description and Access (RDA)** yang menjadi standard baharu menggantikan peranan Anglo-American Cataloguing Rules 2nd (AACR2) yang tidak lagi dapat menampung keperluan untuk bahan-bahan digital. Justeru bahan-bahan perpustakaan perlulah diurus dan ditadbir dengan baik dari aspek pengkatalogan dan pengkelasan bahan bagi menjamin kualiti rekod. Sehubungan itu rekod-rekod perpustakaan seharusnya seragam dan mengikut *standard* dan piawaian antarabangsa.



Pada 11-12 Mei 2017, Bahagian Pemprosesan Teknikal, Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam telah menganjurkan Bengkel Hands On Resource Description And Access (RDA).

Antara objektif bengkel adalah:

1. Meningkatkan kemahiran pengkatalogan dan pengkelasan mengikut standard Resource Description and Access (RDA).
2. Menambah dan memantapkan lagi kecekapan semasa membuat proses pengkatalogan dan pengkelasan.
3. Meningkatkan kualiti rekod Perpustakaan UiTM agar memenuhi piawaian antarabangsa.



EMERALD'S HIGH USAGE AWARD 2016

Oleh : Puan Azura Mohamad Hashim

Universiti Teknologi MARA sekali lagi telah mengukir namanya di peta dunia dengan penganugerahan Emerald's High Usage Award – ranked No 1 with 1,056,193 articles downloaded in 2016. Anugerah ini diberikan oleh pihak Emerald di atas kejayaan UiTM menjadi institusi yang terbanyak memuat turun artikel teks penuh dalam pangkalan data Emerald. Penganjuran Emerald's High Usage Award yang telah memasuki tahun ke-enam penganugerahannya adalah bertujuan untuk meraikan hubungan Emerald dengan pelanggannya serta mengiktiraf kandungan jurnal Emerald yang berkualiti tinggi dan meliputi pelbagai subjek termasuk Business and Management, Marketing, Library Studies, Education Studies, Engineering, Business Finance and Accounting dan Communication Studies.



Pada tahun 2016, UiTM telah dianugerahkan Emerald's High Usage Award bagi tahun ke-enam berturut-turut dengan jumlah muat turun sebanyak 1,056,193 teks penuh. Tempat kedua dimenangi oleh The Egyptian Knowledge Bank (EKB) Data Centre dengan jumlah muat turun sebanyak 440,000 manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Universiti Utara Malaysia dengan jumlah muat turun sebanyak 300,000 muat turun teks penuh. Beberapa institusi lain seperti Universitas Trisakti (kedudukan ke-sembilan), Universitas Gadjah Mada (kedudukan ke-lima belas) dan University of the West of England pada kedudukan ke-tujuh belas turut tersenarai dalam 20 institusi tertinggi seluruh dunia dalam memuat turun artikel teks penuh pangkalan data Emerald bagi tahun 2016.

Emerald Publishing's High Usage Award 2016

From: The Vice Chancellor and The University Fraternity

www.uitm.edu.my

UITM di Pustaka SOARING UPWARDS

UITM Home: www.facebook.com/uitmportal
Laman Khas: www.facebook.com/uitmportal

Anugerah ini merupakan hasil kerjasama semua pihak terutamanya Perpustakaan Tun Abdul Razak, para penyelidik, kakitangan akademik, kakitangan pentadbiran dan semua pelajar yang menjadikan E-Jurnal dan E-book yang terdapat dalam pangkalan data Emerald sebagai rujukan dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti Teknologi MARA.

Pada 8 Mei 2017 (Isnin), satu majlis penyampaian sijil dan trofi kemenangan telah diadakan bertempat di Pejabat Naib Canselor Universiti Teknologi MARA. Anugerah telah disampaikan oleh Encik Ben S'ng iaitu Perunding Kanan, Emerald Group Publishing Sdn. Bhd. kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM disaksikan oleh Ketua-Ketua Jabatan Perpustakaan Tun Abdul Razak.

LAWATAN PENANDAARASAN DARI PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

Oleh : Puan Norhamimi Othman

Bahagian Terbitan Bersiri & Sumber Elektronik (BPTB) telah menerima lawatan daripada pihak Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang telah diadakan pada 25 Mei 2017. Tujuan lawatan tersebut adalah bagi membuat penandaarasan amalan pengurusan kontrak untuk bahan sumber elektronik UiTM.



Program lawatan ini telah dihadiri oleh:

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

1. Pegawai Penasihat Undang-Undang UTHM
2. Timbalan Ketua Pustakawan, Bhgn. Pembangunan Serial & Pangkalan Data UTHM
3. Pustakawan Kanan, Bhgn. Pembangunan Serial & Pangkalan Data UTHM

Manakala, lawatan ini turut disertai oleh pegawai penasihat undang-undang UiTM dan staf BPTB UiTM.

Hasil daripada lawatan penandaarasan ini, kedua-dua belah pihak telah mendapat persefahaman mengenai pengurusan kontrak sumber elektronik.



BENGGEL PENDISKRIPSIAN BAHAN DAN SEJARAH LISAN

Oleh : Encik Mohd Hazrul Mohd Hussin

Jabatan Arkib Universiti telah menganjurkan Bengkel Pendiskripsian Bahan dan Sejarah Lisan pada 16 – 17 Mei 2017 di Bilik Seminar PTAR. Bengkel yang berlangsung selama dua hari ini melibatkan peserta dari Unit Arkib UiTM Cawangan dan juga staf dari Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam. Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut teknik dan kaedah diskripsi bahan serta sejarah lisan dilaksanakan bagi tujuan rujukan, penyelidikan dan penerbitan. Ia juga bertujuan untuk memastikan bahan arkib yang disimpan mempunyai diskripsi bahan seperti yang diamalkan oleh Arkib Negara Malaysia.



Selain daripada itu, peserta bengkel dapat mengenalpasti program pendokumentasian bagi tujuan mengisi jurang maklumat bahan arkib dari segi Sejarah Lisan, Wacana, Bicara & Pengkisahan Sejarah. Antara aktiviti yang menarik sepanjang bengkel berlangsung adalah aktiviti berkumpul untuk membuat sejarah lisan yang melibatkan sesi temubual rakaman suara dan proses transkripsi. Penceramah jemputan bagi bengkel yang dianjurkan ini adalah Profesor Madya Dr. Hajah Aliza Ismail, Pensyarah Kanan, Puan Nik Azliza Nik Ariffin, Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Rekod dan Encik Kamarul Azwan Azman, Pensyarah Kanan dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana.



TAKLIMAT PENGURUSAN REKOD DI PTJ

Oleh : Encik Mohd Hazrul Mohd Hussin

Pada 29 Mei 2017, Jabatan Arkib Universiti telah memenuhi undangan untuk memberi taklimat mengenai Pengurusan Rekod kepada staf Akademik dan Pentadbiran dari Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS). Fokus taklimat adalah berkenaan pengenalan rekod secara am, klasifikasi fail, penyediaan minit fail, pelupusan rekod dan pengurusan rekod terperingkat. Puan Azniza Mohamad Nor, Pegawai Arkib telah bertindak sebagai penceramah dan diikuti oleh Encik Abdul Razak Abdul Rahman, Pustakawan Kanan, sebagai fasilitator bagi program pada kali ini. Taklimat yang dianjurkan oleh AAGBS ini adalah bertujuan untuk memastikan surat dan maklumat direkod mengikut piawaian yang telah ditetapkan, di samping memastikan semua rekod-rekod di AAGBS memenuhi kriteria pengurusan rekod yang sebenar.



BENGGEL & LATIHAN PAKAR MODUL SIRKULASI WILS (WEB BASED INTEGRATED LIBRARY)

Oleh : En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir



Bengkel & Latihan Pakar Modul Sirkulasi WILS (Web Based Integrated Library)

Tarikh : 4 Mei 2017 (Khamis)
Masa : 8.00 – 5.00 petang
Tempat : Pusat IT, PTAR 1
Peserta : 26 orang
Anjuran : Bhgn. Pengurusan Pelanggan

Pada 4 Mei 2017, Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Koleksi telah menganjurkan Bengkel & Latihan Pakar Modul Sirkulasi WILS (Web Based Integrated Library) bertempat di Pusat IT, PTAR 1. Bengkel dan latihan diadakan bagi memberi penerangan, latihan, tunjuk ajar serta penyediaan manual bagi modul sirkulasi WILS kepada pasukan pakar dan Hotline Circulation sebagai persediaan untuk melaksanakan tugas bagi perluasan sistem WILS ke 11 Perpustakaan UiTM Cawangan. Ia juga adalah memastikan pelaksanaan dan penggunaan modul ini adalah selari dan mematuhi polisi serta arahan kerja yang telah ditetapkan. Peserta adalah terdiri daripada Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Pasukan Hotline dan Kumpulan Pakar WILS, serta staf sokongan dari Perpustakaan UiTM Shah Alam, Selangor dan Negeri Sembilan yang terlibat dengan pengurusan modul sirkulasi. Jumlah keseluruhan peserta adalah 26 orang.



LIBRARY DAY: AWESOME WEALTHSOME

Oleh: En. Mohd Aizat Abd Halim

Pada 8 dan 9 Mei yang lalu, telah berlangsung Program Library Day 2017 : *Awesome Wealthsome* yang merupakan kerjasama antara PTAR Kampus Puncak Perdana dengan pelajar Program Pengurusan Industri Kreatif dari Fakulti Filem, Teater dan Animasi. Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang dua hari program tersebut ialah Wacana & Taklimat dari Persatuan Teater Malaysia dan Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Bengkel Kemahiran Maklumat dan Bengkel Perisian Mendeley, *Meet' n Greet* bersama Fahad Iman serta Hari Mesra Pelanggan PTAR 2017. Selain itu, terdapat permainan dan kuiz yang disediakan untuk pengunjung yang hadir. Aktiviti seperti ini merupakan satu platform yang baik bagi memupuk hubungan yang erat di antara perpustakaan dengan pengunjung.



PENGLIBATAN STAF PTAR UCS @ KARISTA 2017

Oleh : En. Mohd Anuar Mohd Maasom

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada En. Bakar Mohd Yasin (Pembantu Pustakawan Kanan) yang telah merangkul pingat emas dalam acara catur berpasukan dalam Karnival Sukan Staf UiTM Semalaysia yang telah diadakan pada 30 April hingga 6 Mei 2017 di UiTM Shah Alam. Penglibatan staf PTAR dalam kejohanan seumpama itu bertujuan memupuk semangat kesukanan di kalangan warga UiTM untuk melahirkan staf yang lebih berkualiti dan produktif.



BRISK READ @ PTAR UCS

**BRISK READ
@PTAR UCS**
"Anywhere & Anytime"

DATE:
25th MAY 2017 (THURSDAY)

TIME:
10.00AM-3.00PM

VENUE :
RUANG LEGAR, PTAR UCS, ARAS 1
KAMPUS PUNCAK ALAM

**FREE VOUCHER
BERJAYA TIME SQUARE
THEME PARK
& KRISPY CREME**
LIMITED FOR THE EARLY BIRD!

PTAR
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


Brisk Read @ PTAR UCS, Kampus Puncak Alam merupakan salah satu projek yang dikendalikan oleh pelajar latihan industri dari Fakulti Pengurusan Maklumat. Program ini telah diadakan pada 25 Mei 2017 yang bertujuan untuk menggalakkan warga UiTM Cawangan Selangor, Puncak Alam agar menjadikan budaya membaca sebagai amalan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program berlangsung dan antaranya adalah kuiz dan kempen mari membaca. Program ini telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelajar dan staf UiTM Puncak Alam dan semoga program seumpama akan dilaksanakan di masa akan datang.



PROJEK MIGRASI 11 PANGKALAN DATA SISTEM PERPUSTAKAAN (ILMU) UiTM CAWANGAN KE PANGKALAN DATA SISTEM PERPUSTAKAAN BAHARU WEB BASED INTEGRATED LIBRARY SYSTEM (WILS)

Oleh : En. Mohamad Hamidi Mohd Jais

Projek ini telah dilaksanakan untuk mewujudkan pangkalan data secara berpusat (centralized) bagi Perpustakaan UiTM. Secara umum, sebelas Kampus cawangan UiTM menggunakan sistem ILMU secara distributed system (decentralized database). Justeru itu, PTAR mengesyorkan agar data dari sebelas pangkalan data perpustakaan cawangan UiTM ini dapat dilakukan migrasi ke Pangkalan Data WILS. Selari dengan salah satu projek inisiatif Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM (2012-2015) di bawah aspek Struktur Maklumat Berkualiti, PTAR telahpun menaiktaraf Sistem Perpustakaan UiTM kepada Web Based Integrated Library System (WILS) yang berteknologikan web-based dan bercirikan pangkalan data berpusat. Sistem ini telah digunakan di Perpustakaan UiTM Selangor dan Perpustakaan UiTM Negeri Sembilan bermula pada 10 September 2015 dan berkemampuan untuk digunakan secara berpusat di seluruh cawangan Perpustakaan UiTM.



Sebagai kesinambungan projek yang lepas, PTAR telah mewujudkan pangkalan data secara berpusat (centralized) untuk Perpustakaan UiTM yang diberi nama 'PuiTM WILS Database Centralization' di bawah Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM (2016-2020).

Melalui projek menaiktaraf Sistem Perpustakaan WILS (Kontrak RT 57/13) sebelum ini, PTAR telah berjaya melaksanakan aktiviti migrasi data dari pangkalan data ILMU Perpustakaan UiTM Selangor dan Negeri Sembilan. Seterusnya, untuk memperluaskan lagi penggunaan sistem perpustakaan yang baharu iaitu WILS dengan lebih menyeluruh, PTAR telah melakukan data migrasi untuk sebelas pangkalan data ILMU di perpustakaan cawangan UiTM ke pangkalan data Sistem WILS.



LAWATAN PENANDAARASAN DARI PTAR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Oleh: En. Rodi b. Daud

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis telah menerima lawatan penandaarasan dari PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Seramai 16 orang staf terdiri dari Timbalan Ketua Pustakawan, Pustakawan, Pembantu Pustakawan Kanan, Pembantu Pustakawan, Pembantu Pemuliharaan dan Pelajar Latihan Industri telah menyertai lawatan ini. Antara objektif utama lawatan penandaarasan ini diadakan adalah untuk meninjau perkhidmatan terkini yang ditawarkan dan pengendalian "Library Café" bagi penjana pendapatan perpustakaan. Banyak perkara yang telah dibincang semasa sesi lawatan tersebut.



PROGRAM TEAM BUILDING PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM PULAU PINANG

Oleh: Puan Farleen Azrina Zamberi

Pada 15 Mei 2017 (Isnin), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Pulau Pinang telah mengadakan program team building di Pantai Kerachut, Taman Negara Pulau Pinang. Seramai 25 orang staf perpustakaan dan 4 orang pelajar praktikal telah menyertai program ini. Selepas sesi regangan badan dan bacaan doa diadakan, para peserta telah mula bersiap sedia untuk mendaki ke Pantai Kerachut yang mengambil masa selama 2 jam. Semasa waktu berehat, permainan secara berkumpulan telah diadakan untuk mewujudkan semangat bekerjasama di kalangan semua peserta. Acara akhir program ini adalah sesi pertukaran hadiah sesama peserta.



KURSUS PENGURUSAN REKOD PEGAWAI REKOD JABATAN

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Kursus Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan ini melibatkan semua Pegawai Rekod Jabatan di bahagian/unit masing-masing di UiTM Kedah. Penceramah kursus adalah Puan Balkiss Othman Pegawai Penolong Arkib Kanan daripada Arkib Cawangan Negeri Kedah/Perlis. Topik kursus adalah berkaitan pengurusan rekod dan tindakan pelupusan rekod.



LAWATAN SK BUKIT SELAMBAU KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Taklimat perpustakaan telah disampaikan oleh Pustakawan Rujukan iaitu Puan Atirah Ruslan. Seterusnya, para pelawat telah diasingkan kepada 4 kumpulan. Setiap kumpulan dibimbing oleh seorang pembantu pustakawan. Mereka telah dibawa untuk sesi kembara di dalam perpustakaan dan diberi taklimat di setiap unit.



LAWATAN KUNJUNGAN SMK AGAMA PARIT BARU, SABAK BERNAM SELANGOR KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Pada 21 Mei 2017, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima rombongan lawatan luar daripada Sekolah Menengah Agama Parit Baru, Sabak Bernam Selangor. Seramai 36 orang pelajar dan 4 orang guru pengiring telah terlibat di dalam lawatan ini. Para pelawat telah diberikan taklimat ringkas oleh Pustakawan Rujukan iaitu Puan Atirah Ruslan dan seterusnya mereka dibawa untuk sesi kembara di dalam Perpustakaan Sultan Badlishah.

TAKLIMAT ORIENTASI PERPUSTAKAAN SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Tarikh 21 Mei 2017 sehingga 25 Mei 2017 merupakan tarikh program Minggu Destini Siswa (MDS) bagi pelajar-pelajar baharu sesi Mei 2017 di UiTM Cawangan Kedah. Perpustakaan Sultan Badlishah telah dijemput untuk memberi taklimat Perpustakaan pada 23 Mei 2017. Taklimat perpustakaan telah berlangsung pada 3.30 petang sehingga 4.30 petang bertempat di Dewan Perdana UiTM Cawangan Kedah.

Taklimat ini dikendalikan oleh En. Hasrizal Md. Hasan (Pembantu Pustakawan Kanan) dan Puan Hamidah Mohd. Taklimat perpustakaan telah dimulakan dengan sesi tayangan video perpustakaan.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN (MINGGU DESTINI SISWA) DIPLOMA INTERIM SESI MEI 2017

Oleh: Puan Nur Aqilah Rusli



23 Mei 2017 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Tapah telah mengadakan Taklimat Perpustakaan pada Minggu Destini Siswa untuk pelajar kemasukan baru Diploma Interim sesi Mei 2017. Seramai 1,643 orang pelajar baru telah hadir yang terdiri daripada Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Sains Komputer & Matematik dan Fakulti Perakaunan. Taklimat selama 1 jam ini merangkumi kelayakan pinjaman, kemudahan, perkhidmatan dan koleksi perpustakaan dan telah disampaikan oleh Encik Mohd Amirul Hafidz Ahmad, Pembantu Pustakawan.



PROGRAM GOTONG ROYONG @ PTAR KAMPUS REMBAU

Oleh: Cik Siti Hajar Zambri

Pada 8 dan 9 Mei yang lalu telah diadakan Program Gotong Royong 2 PTAR Kampus Rembau di mana ianya telah dijayakan oleh ketiga-tiga kampus iaitu Kampus Kuala Pilah dan Kampus Seremban. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyusun atur bahan dan perabut di PTAR Kampus Rembau. Program ini juga adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan di antara ketiga-tiga kampus di Cawangan Negeri Sembilan.



TAKLIMAT PELAJAR BARU DI KAMPUS REMBAU

Taklimat Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Rembau telah diadakan pada 24 Mei 2017 yang lalu bertempat di Dewan Biduanda sempena Minggu Destini Siswa (MDS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Taklimat perpustakaan telah disampaikan oleh Cik Nor Azrina Kasim, Pustakawan. Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Rembau mengucapkan selamat datang kepada pelajar baharu diploma bagi sesi Mei 2017.



LAWATAN PENANDAARASAN PTAR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KE PTAR UiTM CAWANGAN PERLIS KAMPUS ARAU DAN PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)

Oleh: Cik Siti Hajar Zambri

Pada 3 Mei 2017, Seramai 16 orang staf Perpustakaan Tun Abdul Razak, Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan lawatan penandaaran ke Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis dan ke Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP). Tujuan lawatan ke Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan adalah untuk meninjau perkhidmatan- perkhidmatan terkini yang ditawarkan serta pengendalian "Library Café" bagi penjana pendapatan PTAR. Pelbagai pendedahan dan perkongsian ilmu diperolehi semasa lawatan terutama perkhidmatan dan rekabentuk Perpustakaan di Universiti Awam (UA).



Sekitar lawatan ke Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis



Sekitar lawatan ke Perpustakaan UniMAP, Perlis

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR) DI PUSAT DARUL ASNAF, TANJUNG IPOH, KUALA PILAH

Oleh: En. Iskandar Zailan

Aktiviti melukis mural ini adalah hasil usahasama dengan pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang melibatkan pelajar-pelajar dari Persatuan Kaunselor Rakan Sebaya (PEERs), Program Siswa Sihat (Prosis), Persatuan Warisan Perpatih, Majlis Perwakilan Pelajar & Persatuan Sahabat UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah yang dijalankan pada 13 – 14 Mei 2017. Seramai 40 pelajar dan staf telah terlibat dalam aktiviti ini. Pihak Perpustakaan pula telah menjalankan aktiviti melukis mural ini pada 22 Mei 2017 untuk menceriakan persekitaran di luar Perpustakaan Mini, Rumah Darul Asnaf ini. Ia merupakan hasil kreativiti pelajar latihan industri dari Pengurusan Perpustakaan, Fakulti Pengajian Maklumat UiTM iaitu Cik Nazifah Md Malik dan Cik Norashikin Roslan serta staf Perpustakaan Tun Abdul Razak.



Projek ini juga adalah kesinambungan daripada aktiviti Kempen Derma Buku @Book Donation di mana buku-buku yang disumbangkan oleh individu dan syarikat buku telah ditempatkan di Perpustakaan ini.



MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA MENYAMBUT BULAN RAMADHAN 1438H

Oleh: En. Iskandar Zailan



Pada 23 Mei 2017, PTAR Kampus Kuala Pilah telah mengadakan Majlis Bacaan Yassin sempena Menyambut Bulan Ramadhan 1438H yang diadakan di ruang bacaan PTAR Kampus Kuala Pilah. Majlis bacaan dipimpin oleh Ustaz Faizul bin Abdan, daripada Unit ACIS, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.


PAMERAN BULANAN PTAR : RAMADHAN

PTAR Kampus Kuala Pilah telah mengadakan pameran bulan Mei yang bertemakan Ramadhan Al-Mubarak.

Antara kandungan pada pameran kali ini ialah:

- 1) Kelebihan dan keistimewaan Bulan Ramadhan.
- 2) Kelebihan Malam Lailatul-Qada

Pameran ini berlangsung selama sebulan dari 26 Mei



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN KEPADA PELAJAR BAHARU KAMPUS KUALA PILAH

Oleh: En. Iskandar Zailan

Pada 24 Mei 2017, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Kuala Pilah telah mengadakan taklimat perpustakaan kepada pelajar baharu di Bilik Seminar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Seramai 276 orang pelajar telah hadir ke sesi taklimat tersebut. Sesi taklimat tersebut telah disampaikan oleh En. Mohd Rusedzwan bin Mohd. Idris, Pembantu Pustakawan, PTAR, Kampus Kuala Pilah dan dibantu oleh 2 orang pelajar latihan industri, PTAR, Kampus Kuala Pilah.



PENYAMPAIAN HADIAH KUIZ PAMERAN @ PTAR KAMPUS SEREMBAN

Pada Mei 2017 yang lepas, telah berlangsung pameran bulanan di PTAR Kampus Seremban. Tema yang dipilih di pameran PTAR adalah Makanan Seimbang. Bersempena dengan pameran bulanan yang dijalankan, PTAR Kampus Seremban telah mengadakan Kuiz Pameran PTAR Seremban dimana ianya telah disertai oleh warga UiTM Kampus Seremban. Seramai 10 orang pelajar telah berjaya memenangi kuiz berkenaan. Tujuan kuiz ini diadakan adalah untuk mengukur tahap pemahaman pelajar mengenai bahan-bahan pameran yang disediakan. Sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Nor Aishah P.Mosar, Pustakawan Kanan, Ketua Perpustakaan Kampus Seremban.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA DI KAMPUS SEREMBAN

Oleh: Cik Siti Hajar Binti Zambri

Pada Mei 2017 telah berlangsungnya Minggu Destini Siswa bagi para pelajar diploma bagi sesi Mei 2017 di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Sehubungan dengan itu, pihak PTAR juga turut terlibat dalam menjayakan Minggu Destini Siswa. Taklimat perpustakaan telah disampaikan oleh Puan Siti Hajar Binti Zambri, Pustakawan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Seremban. Sesi taklimat ini telah disertai oleh para pelajar dari Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi dan Fakulti Sains Komputer & Matematik.



KUNJUNGAN LAWATAN DARI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SENAWANG 5, SENAWANG

Pada Mei yang lepas, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Seremban telah menerima kunjungan dari pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang 5, Senawang, Negeri Sembilan. Lawatan berkenaan telah disertai oleh pelajar Tingkatan 5 sekolah berkenaan. Lawatan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar merasai suasana perpustakaan di universiti dan memberi inspirasi dan semangat kepada pelajar untuk terus berusaha yang terbaik dalam bidang akademik. Sesi lawatan berkenaan telah berlangsung selama hampir satu jam. Para pelajar dibawa melawat sekitar kawasan perpustakaan.



PESTA BUKU KUALA LUMPUR 2017

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Seramai 10 orang staf Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka telah terlibat dalam mengiringi 55 orang pensyarah dari setiap fakulti UiTM Cawangan Melaka ke Pesta Buku Kuala Lumpur 2017 di PWTC yang diadakan pada 4 Mei 2017. Ianya merupakan program tahunan yang dijalankan sebagai salah satu langkah pemilihan dan pembelian koleksi di Perpustakaan.



LAWATAN DARI SEKOLAH MENENGAH AGAMA ISLAM AL-AZHAR HARAPAN INDAH, INDONESIA



Perpustakaan menerima kunjungan lawatan dari Sekolah Menengah Agama Islam Al-Azhar Harapan Indah, Indonesia seramai 17 orang pelajar dan di iringi 3 orang guru.

LAWATAN AKADEMIK KE ARKIB NEGARA MALAYSIA, CAWANGAN MELAKA

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Lawatan Penendarasan ke Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka bagi persediaan penubuhan Arkib Universiti UiTM Cawangan Melaka telah dijalankan pada 11 Mei 2017 dengan penyertaan seramai 7 orang staf Perpustakaan UiTM Melaka. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka, Puan Kaszilawati Kasman dan Penolong Pengarah II, Encik Namsivayam serta beberapa orang staf yang telah memberikan informasi secara praktikal.



PENYERTAAN PROGRAM CABARAN 10K LANGKAH

Seramai 14 orang Staf Perpustakaan UiTM Melaka telah menyertai Program Cabaran 10 Ribu Langkah dan menjadi Johan bagi Kuiz Kesihatan yang dianjurkan oleh Unit Kesihatan UiTM Melaka. Program yang dijalankan pada setiap awal bulan mengikut giliran ini bertujuan bagi memupuk budaya hidup sihat dan semangat sukan di kalangan staf UiTM Melaka keseluruhannya.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN MINGGU DESTINI SISWA (MDS) SESI SEPTEMBER 2017-JANUARI 2018

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Pada 22 Mei 2017, Perpustakaan UiTM Melaka telah menerima kehadiran pelajar baru yang mendaftar ke UiTM Melaka, Kampus Alor Gajah. Oleh itu, satu sesi Taklimat Am Bahagian Perpustakaan telah diadakan bagi mendedahkan kepada pelajar baru mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan dengan penyertaan seramai 1,526 orang pelajar. Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Maznah Maarof dan Cik Hazlin Ibrahim Khan.



MAJLIS PERASMIAN DAN PROGRAM PERKONGSIAN SANTAI "MEMBUDAYAKAN IQRA' DAN ILMU" FASA 1

Pada 25 Mei 2017 telah berlangsung Program Perkongsian Santai "Membudayakan Iqra' dan Ilmu" Fasa 1 anjuran Biro Iqra' Fakulti Perakaunan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka. Program ini dilaksanakan dengan tujuan menerapkan budaya membaca di kalangan para pensyarah, staf dan pelajar dimana ianya berkonsepkan sesi perkongsian bahan bacaan ilmiah yang akan dijalankan setiap bulan bermula dari Mei 2017-Oktober 2017. Disamping itu, antara objektif yang disasarkan adalah merakyatkan perpustakaan sebagai satu lokasi sumber ilmu di UiTM Melaka.



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAHLIL

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil sempena menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak telah berjaya dijalankan di Perpustakaan UiTM Melaka dengan dipimpin oleh Prof Madya Dr S.Salahudin Bin Hj. Suyurno, Unit ACIS UiTM Melaka.



PROJEK MIGRASI 11 PANGKALAN DATA ILMU KE SISTEM WILS

Pada 22-26 Mei 2017, Perpustakaan UiTM Melaka menerima kehadiran kumpulan teknikal Sistem WILS dari PTAR, UiTM Shah Alam bagi melaksanakan kerja - kerja penyelenggaraan *synchronised* migrasi data. Selanjutnya latihan penggunaan Sistem WILS bagi modul Sirkulasi, Perolehan dan Kataloging telah dijalankan pada 29 Mei – 2 Jun 2017 oleh kumpulan pakar juga dari PTAR, UiTM Shah Alam. Perpustakaan UiTM Melaka mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pn. Nurul Aida binti Noor Azizi, En. Ahmad Nazri bin Jaafar dan Nor Aishah Binti P.Mosar diatas bantuan yang diberikan dalam memastikan perkhidmatan perpustakaan dibawah Sistem WILS berjalan dengan lancar.



MAJLIS SUMBANGAN BUKU

Oleh : Puan Maznah Maarof

Sejumlah 127 naskah buku agama yang telah lulus permohonan untuk di lupuskan dan masih berada dalam keadaan baik telah di hadiahkan kepada Pengerusi Masjid Ar Rasyidin kepada Masjid Daerah Alor Gajah, Alor Gajah, Melaka pada 24 Mei 2017. Manakala pada hari yang sama, sejumlah 126 naskah buku agama juga telah di hadiahkan kepada Pengerusi Masjid Luqmarul Hakim, Kampung Sungai Petai, Alor Gajah, Melaka, iaitu Tuan Hj Musa. Semoga sumbangan tersebut memberi manfaat kepada ahli jemaah masjid dan masyarakat sekitar.



VIBE 1.0: VISIBLE, INSPIRE, BLOOM, ENTHUSIASTIC

Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman

Program kerjasama yang melibatkan Pusat Sumber UiTM KBM, Unit IPT Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Yayasan Melaka, Majlis Sukan Melaka dan FAMA Negeri Melaka dan bertemakan *Champion Excellence*.



Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Pusat Sumber Aras 1;

1. Perasmian VIBE 1.0
2. Sukan Rakyat
3. *International Culture Exhibition Show*
4. *Posterize Your Creativity*
5. Demo Produk Kecantikan



ULANG TAHUN PERTAMA LITTLE FREE LIBRARY

Idea penubuhan LFL UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya bermula pada 27 Januari 2016, apabila staf PSKBM membuat lawatan penendarasan ke Perpustakaan USIM untuk melihat sendiri rumah kecil atau perpustakaan mini mereka dan kaedah perlaksanaannya. USIM merupakan IPTA pertama yang mewujudkan *Little Free Library*. *Little Free Library* UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir Hj Idris Haron sempena Sambutan 10 Tahun Kampus Bandaraya Melaka pada 19 Mei 2016. Pada 08 September 2016, sempena Lawatan Naib Canselor UiTM ke UiTM Melaka, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said telah melaksanakan sesi perletakkan 'Charter Number' LFL UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya yang bernombor 39921.

Sehingga hujung bulan April, sebanyak 413 buah buku dan majalah telah diletakkan di dalam rumah kecil kami dan daripada jumlah itu, sebanyak 284 buah buku telah diambil oleh orang ramai. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dan menyokong projek *Little Free Library* sehingga ke hari ini. Semoga projek ini akan berterusan dan dapat menggalakkan lagi masyarakat awam dengan membaca.



PAMERAN PROTOTYPE & POSTER DISCOVERING THE UNSEEN DESTINATIONS


Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman

Pada 25 Mei 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengadakan pameran prototype dan poster Discovering the Unseen Destination anjuran bersama Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Sebanyak 30 poster dan 10 prototype telah dipamerkan sepanjang pameran itu berlangsung. Pameran ini bertujuan untuk mempamerkan projek pelajar Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM Kampus Bandaraya Melaka dan diberi markah oleh pensyarah meraka.



PAMERAN RAMADAN AROUND THE WORLD

Pada 29 Mei 2017 sehingga 22 Jun 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengadakan pameran Ramadan around the World. Sempena menyambut Ramadan Al- Mubarak 1438 Hijrah Pusat Sumber UiTM Kampus Bandaraya Melaka telah mengambil kesempatan untuk berkongsi beberapa maklumat dan contoh negara Islam yang menyambut Ramadan setiap tahun. Selain itu, kami jugak menyediakan dokumentari Jejak Rasul yang dimainkan melalui televisyen yang disediakan di kawasan pameran tersebut.



LAWATAN PENANDAARASAN DARI PERPUSTAKAAN UiTM DENGKIL

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasir telah menerima lawatan penandaarasan dari Perpustakaan UiTM Kampus Dengkil. Satu sesi taklimat, suai kenal serta 'Library Tour' telah diadakan bagi memperkenalkan barisan staf serta berkongsi maklumat berkenaan perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan di perpustakaan. Pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian melawat ke Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasir. Semoga sesi perkongsian tersebut dapat memberi manfaat dan membantu dalam memantapkan lagi perkhidmatan perpustakaan UiTM.



BENGGEL ENDNOTE X8

Pada 12 Mei 2017, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah mengadakan satu Bengkel Endnote X8 yang telah disertai oleh mahasiswa Semester 5 dan 6. Bengkel ini disampaikan oleh Dr Mohd Zuli Jaafar dan dibantu oleh En. Ismail Abidin (Pustakawan Kanan) dan Cik Nurayuni Dayana Nor Azman (Pustakawan). Tujuan bengkel ini diadakan ialah bagi membantu dan memudahkan pelajar dalam menghasilkan 'Final Year Project' dan tesis yang dilengkapi dengan rujukan yang betul.



ENDNOTE X8
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi,
Universiti Teknologi MARA Melaka
MOHD ZULI JAAFAR, PhD
Senior Lecturer
Universiti Teknologi MARA Melaka
12 May 2017, 9am - 5pm

TAKLIMAT PLAGIARISM: “POLICY & GUIDELINES”

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Pada 17 & 18 Mei 2017, Perpustakaan telah mengadakan taklimat berkenaan Plagiarism: Policy & Guidelines. Tujuan taklimat ini dilaksanakan adalah untuk menjelaskan apa itu plagiarisme dan isu hak cipta serta kaitannya dalam menghasilkan sebuah tesis yang berkualiti. Seramai 60 orang mahasiswa telah terlibat dalam dua sesi yang berasingan ini. Sesi taklimat ini telah berlangsung selama hampir 2 jam. Pelbagai sesi soal jawab yang telah dilontarkan oleh mahasiswa sepanjang taklimat ini berlangsung. Perpustakaan mempelawa mahasiswa menyertai taklimat ini dan amat berbesar hati menerima tempahan taklimat ini dari semasa ke semasa.



BENKEL MS WORD DOTX FOR THESIS

Pada 16 & 17 Mei 2017, Bahagian Pentadbiran dengan kerjasama Perpustakaan telah menganjurkan Bengkel MS Word DOTX for Thesis yang disampaikan oleh Dr Mohd Zuli Jaafar. Bengkel berbayar ini telah berlangsung selama dua hari di Bilik Seminar Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasir. Bengkel ini memfokuskan secara khusus idea sistematik dalam mengawal format tesis menggunakan alatan yang betul serta kaedah yang tepat. Pada akhirnya bengkel, peserta akan lebih mudah menggunakan MS Word dan mampu untuk memberi tumpuan dan masa yang lebih kepada isi tesis. Secara keseluruhannya, kesemua peserta amat berpuas hati dengan penganjuran bengkel ini dan mereka bercadang supaya program seumpama ini diteruskan lagi untuk siri yang akan datang.



UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasir

MS Word DOTX for Thesis Workshop

FEES : RM160.00 (Non-UiTM)
: RM130.00 (UiTM Staff)
: RM100.00 (UiTM Student)

Fees include 6% GST, Breakfast and Lunch for 2 Days, Workshop Notes and Certificate by UiTM Cawangan Melaka

LIMITED TO 40 PERSONS ONLY.
BRING YOUR OWN LAPTOP & POWER EXTENSION
ENQUIRY : +60 198875186 (ISMAIL)
Email : mohdzamail@melaka.uitm.edu.my
Register at : <https://goo.gl/EVHSPO>

Payment by 10th May 2017 to:
Bendahari UiTM
Bank Islam : 04033010022133
All Payments are non-refundable

**EFFECTIVE WAY OF
USING MS WORD DOTX**

SPEAKER : DR. MOHD ZULI BIN JAAFAR
(MS DOTX Innovator and Trainer)

Date : 16 – 17 May 2017 (Tuesday and Wednesday)
Time : 8.00 am – 5.00 pm
Venue : Bilik Seminar, Aras 2 Perpustakaan UiTM
Cawangan Melaka Kampus Jasir

THIS WORKSHOP IS DESIGNED TO EMPHASIZE THE USAGE OF IMPORTANT UTILITIES IN MS WORDS TO EXPEDITE THESIS WRITING. SOME TIPS TO SPEED UP SEARCHING CONNECTION OF THE CONTENT IN THE THESIS WILL BE HIGHLIGHTED. THESIS FUNDAMENTAL SKILLS ENSURE THE THESIS IS WRITTEN IN THE FORM RECOMMENDED BY THE REGULATION OF THE UNIVERSITY.

TAKLIMAT PROGRAM KKEC SIRI 7

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Pada tahun ini, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah diberi peluang untuk menjadi tuan rumah Komander Kesatria *Endurance Challenge* (KKEC) Siri ke-7 yang berlangsung selama 4 hari bermula 20 – 24 Mei 2017. Perpustakaan telah diberi tugas untuk menyediakan tempat bagi sesi pendaftaran serta Taklimat Pembukaan KKEC pada kali ini. Sebanyak 13 kontinjen dari setiap cawangan UiTM telah hadir. Terima kasih kepada Unit Kokurikulum di atas kepercayaan kepada pasukan perpustakaan serta syabas dan tahniah di atas penganjuran KKEC Siri ke-7 yang gilang gemilang ini.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN : MINGGU DESTINI SISWA SESI INTERIM JUN 2017



Pada 29 Mei 2017, UiTM Melaka Kampus Jasin telah menerima kehadiran 397 pelajar baru yang mendaftar ke Kampus Jasin. Justeru, satu sesi Taklimat Perpustakaan telah diadakan bagi mendedahkan kepada pelajar baru mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan. Selain itu juga, taklimat ini bertujuan untuk mempromosikan perpustakaan kepada pengguna melalui #jomkeperpustakaan. Taklimat perpustakaan disampaikan oleh En. Ismail Bin Abidin.



PROGRAM MOH WAKAF BUKU DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 2017

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman

Pada 25 Mei 2017 (Khamis), Perpustakaan Al-Bukhari dengan kerjasama Pelajar Latihan Industri dari Fakulti Pengajian Maklumat UiTM Kampus Merbok, Kedah, telah berjaya melaksanakan Program Moh Wakaf Buku yang dihadiri oleh hampir lebih daripada 100 orang peserta pelajar serta staf UiTM Cawangan Pahang. Program telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Nazip Bin Suratma, Rektor UiTM Cawangan Pahang. Menurut Pengarah Program Cik Nurfarawahidah Bt Badruesham (Pustakawan Kanan), Objektif Program antaranya mempertingkatkan minat serta menggalakkan staf dan pelajar untuk mewakafkan buku disamping menambah koleksi buku dan bahan bacaan di perpustakaan yang merupakan antara strategi penjimatan perpustakaan bagi tahun 2017.



Sebanyak 200 lebih buku sumbangan telah dapat dikumpulkan sepanjang program pada hari tersebut dan program berlangsung sepanjang masa serta terbuka kepada semua untuk menyumbang.



LAWATAN PENANDAARASAN (EKSA) DARIPADA POLITEKNIK KOTA BHARU

Oleh: Puan Nordelina Zulkarnain

Politeknik Kota Bharu telah membuat lawatan ke Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan pada 9 Mei 2017 bagi tujuan lawatan penandaarasan aktiviti EKSA. Lawatan ini telah disertai oleh Ketua Perpustakaan, Penolong Pegawai Perpustakaan, staf perpustakaan, pensyarah dan juga Exco Kelab Pembaca Perpustakaan Politeknik Kota Bharu. Aktiviti lawatan ini bermula dengan taklimat mengenai Perpustakaan Tengku Anis dan aktiviti gerakan EKSA di Perpustakaan Tengku Anis, dan sesi soal jawab EKSA.

Para peserta lawatan juga telah dibawa melawat kawasan persekitaran Perpustakaan Tengku Anis termasuk ruang kerja staf Unit Katolog dan Kelas , Unit Perolehan, Unit Jilid dan tentang perkhidmatan yang disediakan di Kaunter Utama, Kaunter UPM dan Kaunter Internet Zon dan juga tempahan kemudahan (Bilik IT dan Seminar melalui Sistem LisRes). Pihak Perpustakaan Tengku Anis juga menjalankan promosi Keahlian Luar kepada para peserta lawatan. Lawatan berakhir dengan jamuan tengahari.



MESYUARAT PROGRAM CSR : IMD (ILMU MENGUBAH DESTINI)

Oleh: Puan Nordelina Zulkarnain

Bagi menyelaras gerak kerja persiapan Library Make Over bagi Program CSR : IMD (Ilmu Mengubah Destinasi) Negeri Kelantan 2017 – satu mesyuarat telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Machang pada 18 Mei 2017 bertempat di bilik mesyuarat SMK Machang pada jam 10.30 pagi.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh En Noor Hidayat Ketua Pustakawan, Pn. Roslina Bt Mohamad Ali, Timb. Ketua Pustakawan Kanan, daripada PTAR dan turut dihadiri oleh Wakil PTA yang terdiri daripada Pn. Nik Annita Nik Omar (Timbalan Ketua Pustakawan) dan semua Pustakawan Kanan Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan. Pihak Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan juga turut serta dengan diwakili oleh Encik Lokman Bin Ishak, Penolong Pengarah Unit Pengurusan Sumber Pendidikan (UPSP) dan juga pegawai-pegawai Pendidikan daripada UPSP. Mesyuarat ini juga disertai pengurusan pentadbiran serta guru-guru Kanan termasuk Guru Media dan Perpustakaan SMK Machang. Jumlah ahli mesyuarat seramai 27 orang.



BENKEL PENGGUNAAN PERISIAN MENDELEY


Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Bagi merencanakan penulisan jurnal dan penyelidikan di UiTM Cawangan Terengganu, Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Bengkel Penggunaan Perisian Mendeley.



Tarikh	:	24 Mei 2017.
Masa	:	9.00 pagi -2.00 petang
Tempoh	:	5 jam
Tempat	:	Makmal Ibnu Saffar Perpustakaan Cendekiawan
Penceramah	:	En. Shahrol Nizam bin Johol (Timbalan Ketua Pustakawan)
Peserta	:	20 orang

Ceramah yang dikendalikan oleh penceramah yang berpengalaman ini meliputi panduan penggunaan perisian Mendeley ini. Hasil dari bengkel tersebut, para peserta yang hadir kebanyakannya berpuas hati dengan penganjuran bengkel ini. Bengkel ini diakhiri dengan sesi soal jawab oleh para peserta dan jamuan ringan.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DAN LAWATAN GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA DAERAH DUNGUN

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Sempena Program Khidmat Bantu Pusat Sumber Sekolah (PSS) anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT), Perpustakaan Cendekiawan telah dijemput untuk memberi panduan dan taklimat kepada peserta program yang terdiri dari 72 orang Guru Perpustakaan dan Media (GPM) sekolah-sekolah sekitar Daerah Dungun.

Program yang diadakan pada 4 Mei 2017 di Dewan Bakawali UiTM Cawangan Terengganu ini telah dirasmikan oleh Tuan Hj. Alias bin Talib, Ketua Penolong Pengarah BTPNT. Turut hadir ialah Hj Amir@Akram bin Abdul Majid, Ketua Unit Perkhidmatan Pusat Sumber, BTPNT.



Objektif penganjuran program khidmat bantu ini adalah untuk membantu meningkatkan pengurusan PSS secara keseluruhan khususnya pengurusan bahan, fizikal dan sistem pengurusan. Peserta program juga dibawa ke Perpustakaan Cendekiawan untuk sesi lawatan dan penerangan dalam memberi gambaran pengurusan perpustakaan yang bercirikan Perpustakaan Alaf 21.



LAWATAN BERMAKLUMAT SMK AGAMA NURUL ITTIFAQ, BESUT, TERENGGANU

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Seramai 24 orang Pengawas Pusat Sumber Darul Hikmah SMK Agama Nurul Ittifaq bersama 3 orang guru pengiring berkunjung ke Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu bagi sesi Lawatan Bermaklumat Perpustakaan pada 2 Mei 2017. Lawatan ini merupakan kunjungan balas dari Pusat Sumber Darul Hikmah SMK Agama Nurul Ittifaq, selepas penganjuran Program Ilmu Mengubah Destini 2016: Siri 2 oleh PTAR UiTM Shah Alam dan Perpustakaan Cendekiawan di sekolah mereka tahun lalu.



Semua pelajar dan guru pengiring yang hadir diberikan taklimat tentang operasi yang dijalankan di Perpustakaan Cendekiawan oleh En. Shahrol Nizam bin Johol (Timbalan Ketua Pustakawan). Seterusnya dibawa melawat sekitar perpustakaan. Para pelajar dan guru pengiring juga berpeluang untuk mengendalikan sendiri mesin-mesin di Unit Jilid yang digunakan dalam menjilid, membaiki buku-buku rosak serta pemuliharaan buku di bawah pemantauan staf Unit Jilid.



MAJLIS SAMBUTAN MERAIKAN STAF & PELAJAR PRAKTIKAL TAMAT LATIHAN

Oleh: Puan Siti Rozana binti Mat Sanat

25 Mei 2017, Selasa – Majlis sambutan meraikan staf dan jamuan perpisahan pelajar praktikal, saudara Nurafiqah binti Adnan telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Seminar PTDI 1. Di samping itu, turut diadakan majlis bacaan Yaasin dan Tahlil. Majlis dimulakan dengan bacaan Yaasin, ucapan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Pn. Hajah Maznah binti A. Hamid dan diikuti dengan ucapan pelajar praktikal yang dirai. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada pelajar praktikal dan hadiah kepada En. Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan yang telah menimang cahaya mata kedua. Sambutan hari jadi staf PTDI bagi bulan Januari hingga Mei turut diadakan.



Aktiviti yang diadakan secara berkala ini adalah bertujuan untuk menghargai dan memberi motivasi buat semua staf PTDI serta sebagai tanda penghargaan kepada pelajar praktikal yang telah tamat latihan industri. Diharapkan dengan adanya aktiviti sebegini akan mengeratkan silaturahim sesama staf PTDI. Semoga majlis yang telah diadakan tersebut mendapat berkat dan redha dari Allah. Alhamdulillah.



Lawatan Penandaarasan Sesi perkongsian “e-Room Library Reservation System”

Oleh: Cik Marlia Yuming

Lawatan Penandaarasan Sesi perkongsian ilmu "e-Room" sistem bersama staf Komsat pada 9 Mei 2017 di Bilik Mesyuarat Perpustakaan. Seramai 8 orang staf dari Kompleks Makmal Sains dan Agroteknologi (KOMSAT), 2 orang staf IT dan 3 orang staf Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah telah terlibat dalam sesi tersebut. Melalui lawatan ini, sedikit sebanyak memberi pemahaman yang terperinci kepada pegawai dan staf yang terlibat mengenai sistem tempahan tersebut.



KONVOKESYEN UiTM KE-86 (UiTM SARAWAK)

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-86 (UiTM Sarawak) telah berlangsung pada 3 hingga 4 Mei 2017 yang lalu. Beberapa orang staf Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaksana pada istiadat berkenaan. Selama dua (2) hari istiadat berkenaan, staf PTAR telah menjalankan aktiviti mempromosikan Keahlian Luar Perpustakaan kepada graduan-graduan. Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada semua graduan dan terima kasih kepada staf PTAR atas komitmen yang diberikan.



AKTIVITI 5S PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN SARAWAK

Lima (5) orang staf Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 1 telah mengadakan Program 5S untuk rekod-rekod PTAR bertempat di PTAR Kampus Samarahan. Program berkenaan telah diadakan pada 17-18 Mei 2017 dan melibatkan semua staf PTAR Kampus Samarahan 1. Terima kasih diucapkan atas kerjasama dan komitmen yang diberikan.



BENGGEL PEMANTAPAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN PUIiTM (Bengkel 4P) 2017

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Perkhidmatan PUIiTM pada 11-12 Mei 2017 yang lalu. Bengkel yang diadakan selama dua (2) hari itu adalah bertujuan untuk;



- Mengadakan perbincangan secara aktif dan komprehensif yang memberi fokus kepada aspek perkhidmatan rujukan, sirkulasi dan perkhidmatan-perkhidmatan berasaskan IT.
- Menyelaraskan beberapa perkara utama yang melibatkan polisi, dasar dan pelaksanaan perkhidmatan perpustakaan.
- Menyelaraskan dan memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) perkhidmatan PUIiTM mencapai sasaran dengan membincangkan beberapa strategi pelaksanaan.
- Menyelaras dan membincangkan pelaksanaan untuk mencapai sasaran inisiatif-inisiatif Perancangan Strategik PUIiTM yang berkaitan dengan perkhidmatan.



En. Jamalludin Hj Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Shah Alam telah dijemput sebagai penceramah dan fasilitator bagi bengkel tersebut. Seramai 30 orang staf termasuk pegawai-pegawai PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah hadir pada bengkel berkenaan.

PERLAWANAN BADMINTON TERTUTUP KEKITA 2017

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Beberapa orang pegawai dan staf Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak telah menyertai Kejohanan Badminton Tertutup KEKITA 2017 anjuran Kelab KEKITA UiTM Cawangan Sarawak pada 21 hingga 22 Mei 2017 di Dewan Jubli UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan (1). En. Nur Afnan B. Ludin, Pembantu Pustakawan telah mendapat tempat pertama (Johan) untuk Kategori Beregu Lelaki Terbuka. Tahniah diucapkan.



BENGGEL PENJILIDAN (STANDARD PENJILIDAN UiTM)

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Pada 22 hingga 25 Mei 2017 telah dijalankan Bengkel Penjilidan yang dihadiri oleh dua (2) orang Pembantu Pemuliharaan. Bengkel selama empat (4) hari ini dikendalikan oleh En. Mohd Rostam Mohamad, Pembantu Pemuliharaan, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah sebagai penceramah bengkel berkenaan. Matlamat bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik proses pemuliharaan dan pembaikan buku. Bengkel ini juga memberikan simulasi dan amali tatacara baik pulih secara profesional. Ilmu yang dipelajari sepanjang bengkel ini diharap akan dapat dimanfaatkan oleh peserta untuk baikpulih ringan buku yang boleh dibuat sendiri tanpa melibatkan kos yang banyak.



Objektif bengkel ini dijalankan adalah untuk:

- Memberi pengetahuan dan kemahiran asas tentang Pemeliharaan dan Penjilidan bahan
- Memberi pendedahan kepada peserta dengan proses pemeliharaan dan penjilidan bahan secara teori dan amali
- Membolehkan peserta memperolehi pengetahuan untuk memelihara dokumen, rekod rasmi dan bahan perpustakaan dengan lebih berkesan



BENKEL ASAS KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF SIRI (1) 2017, UiTM CAWANGAN SARAWAK

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Bengkel Asas Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Siri 1 2017 telah diadakan pada 23 hingga 24 Mei 2017 bertempat di Bilik Sarjana UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 1. Seramai 3 orang staf yang mewakili Kumpulan KIK PTAR UiTM Cawangan Sarawak iaitu Kumpulan PRISMA telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memahami keperluan KIK secara holistik agar para peserta KIK dapat memantapkan kemahiran dalam mengenal pasti projek dan penyediaan dokumentasi KIK yang lebih berkualiti.



KURSUS AHA HEARTSAVER, FIRST AID, CPR & AED (Automated External Defibrillator)

Bengkel Asas Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Siri 1 2017 telah diadakan pada 23 hingga 24 Mei 2017 bertempat di Bilik Sarjana UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 1. Seramai 3 orang staf yang mewakili Kumpulan KIK PTAR UiTM Cawangan Sarawak iaitu Kumpulan PRISMA telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memahami keperluan KIK secara holistik agar para peserta KIK dapat memantapkan kemahiran dalam mengenal pasti projek dan penyediaan dokumentasi KIK yang lebih berkualiti.



LAWATAN SEKOLAH

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 telah menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar dan guru-guru dari SMK Agama Matang pada 25 Mei 2017 yang lalu. Beberapa aktiviti telah disediakan kepada pelajar-pelajar berkenaan. Pelajar-pelajar juga telah diberi taklimat ringkas dan dibawa melawat sekitar bangunan Perpustakaan.



BACAAN YASIN SEMPENA RAMADAN

Kelab Kebajikan dan Rekreasi PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan satu majlis bacaan Yasin dan doa selamat sempena menyambut kedatangan Ramadhan Al-Mubarak. Majlis tersebut diadakan pada 26 Mei 2017 yang lalu bertempat di Ruang Bacaan PTAR Kampus Samarahan 2. Bacaan yasin dan doa selamat telah dipimpin oleh En. Jamil B. Jawi. Majlis telah berakhir dengan sedikit jamuan ringan.



TAHNIKAH DAN SYABAS

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Pihak Pengurusan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak ingin mengucapkan **TAHNIKAH dan SYABAS** kepada Encik Zulkifli Bin Ismail, staf perpustakaan kumpulan Pengurusan Dan Profesional yang telah berjaya di dalam kenaikan pangkat secara Fleksi dari Gred S48 ke Gred S52, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.

